

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan polisi Kementerian berkenaan pengeluaran lesen untuk bot jenis lesen A, bot jenis lesen B dan bot jenis lesen C. Sama ada nelayan-nelayan dibenarkan untuk menggaji pekerja-pekerja asing dan sama ada Kementerian akan bersetuju mengeluarkan lesen baru kepada pembeli-pembeli bot mereka.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah melaksanakan dasar pembekuan sementara ke atas semua permohonan baru lesen vesel zon A, B dan C sejak tahun 1982. Dasar pembekuan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan tekanan ke atas sumber perikanan terutamanya di kawasan pesisiran pantai yang telah melebihi tahap optima. Namun, Kementerian sedang mengkaji kemungkinan untuk membuka permohonan lesen vesel zon A kepada mereka yang layak dan ingin menjadi nelayan berdasarkan kepada laporan kajian daya tampungan sesebuah kawasan (*carrying capacity*) yang akan dilaksanakan oleh DOF.
2. Merujuk kepada dasar sedia ada DOF, penggunaan kru warganegara asing di atas vesel penangkapan ikan tempatan laut dalam adalah dibenarkan bagi mengatasi isu kekurangan tenaga kerja

dalam sektor perikanan tangkapan. Pada tahun 2017, seramai 36,077 kru warganegara asing telah diluluskan untuk bekerja di atas 3,213 buah vesel penangkapan ikan tempatan di negara ini.

3. Bagi pindah milik vesel penangkapan ikan tempatan, pengeluaran lesen baru kepada pembeli vesel adalah dibenarkan melalui pematuhan syarat seperti berikut:

- Pemilik lesen sampan dibenarkan pindah milik kepada ahli keluarga yang bekerja sebagai nelayan tulen sahaja;
- Pemilik lesen pukot tunda zon B perlu menukar peralatan kepada pukot jerut ikan/peralatan tradisional sekiranya ingin kekal beroperasi di zon B sebelum dibenarkan pindah milik;
- Lesen vesel bumiputera pindah milik kepada bumiputera perlu diiklankan selama 3 bulan tanpa tuntutan daripada mana-mana pihak; dan
- Lesen vesel bumiputera pindah milik kepada bukan bumiputera perlu diiklankan selama 6 bulan tanpa tuntutan daripada mana-mana pihak.

4. Dalam usaha mempercepatkan proses permohonan pembaharuan dan pindah milik vesel, aktiviti ini telah dilaksanakan secara '*on-line*' melalui sistem e-Lesen. Kelulusan akan diperolehi dalam tempoh 14 hari bekerja setelah memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan. Melalui sistem ini juga pemilik vesel boleh membuat pertanyaan status permohonan lesen vesel serta mengemaskini profil masing-masing.

Sekian, terima kasih.